

## C Kata Ganti Nama Tunjuk

Kata ganti nama tunjuk digunakan untuk menunjukkan nama benda, tempat, dan hal yang hendak dinyatakan.

| Kata Ganti Nama Tunjuk | Penggunaan                                                              |
|------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| 1. ini                 | menunjukkan sesuatu yang dekat                                          |
| 2. itu                 | menunjukkan sesuatu yang jauh                                           |
| 3. sini                | menunjukkan tempat yang dekat                                           |
| 4. situ                | menunjukkan tempat yang tidak begitu jauh daripada orang yang berbicara |
| 5. sana                | menunjukkan tempat yang jauh                                            |
| 6. begini              | macam ini, seperti ini                                                  |
| 7. begitu              | macam itu, seperti itu                                                  |

Ayat Contoh:

1. Bunga hiasan ini diperbuat daripada daun getah.
2. **Itu** kereta baharu Abang Shahril.
3. Di **sini**lah tempat ayah saya dibesarkan.
4. Ezah tidak lagi tinggal di **situ** semenjak neneknya meninggal dunia.
5. Petani itu sedang bekerja di tengah sawah **sana**.
6. **Begini**lah nasib kami orang kampung yang tidak berharta.
7. Kalau **begitu**lah cara kamu berniaga, kamu tidak akan maju.

## AKTIVITI UASA 2 Kata Ganti Nama Tunjuk

### Format Terbaharu UASA

Soalan 1 hingga 14

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. "Jam tangan \_\_\_\_\_ adalah pemberian ayah saya sempena hari jadi saya yang ke-12," kata Nicky.  
A ini                      C sana  
B situ                     D sini
2. Banglo di tepi pantai \_\_\_\_\_ kepunyaan Syed Shauki, pengusaha batik yang berjaya.  
A begitu  
B begini  
C sini  
D itu
3. Mak Cik Jah dan suaminya sudah sepuluh tahun berniaga nasi ayam di \_\_\_\_\_.  
A itu  
B sini  
C situ  
D begini

4. Mereka selalu pergi ke \_\_\_\_\_ untuk memikat ayam hutan.  
A begitu  
B itu  
C ini  
D sana
5. "Rumah-rumah \_\_\_\_\_ besar dan cantik belaka," kata Lili kepada ibunya sambil menunjukkan ke arah sederet rumah banglo.  
A ini  
B itu  
C situ  
D begini
6. "\_\_\_\_\_lah kehidupan kami setelah suami saya terlantar kerana penyakit angin ahmar," kata Puan Gayah kepada pegawai kebajikan masyarakat itu.  
A Begitu  
B Begini  
C Itu  
D Ini
7. "Janganlah menuduh saya \_\_\_\_\_. Saya tidak berniat untuk merampas harta pak cik," kata Zahim kepada Pak Amir.  
A sini  
B sana  
C ini  
D begitu
8. Potret \_\_\_\_\_ merupakan bekas tangan pelukis yang cacat.  
A ini  
B situ  
C sini  
D sana
9. "Marilah \_\_\_\_\_," kata Pak Haji Yunus, memanggil cucunya yang sedang menonton televisyen.

- A itu  
B sana  
C situ  
D sini

10. "\_\_\_\_\_lah cara untuk menyelesaikan soalan Matematik ini," kata Hana yang membantu rakannya menjawab soalan itu.  
A Begini  
B Situ  
C Sana  
D Itu
11. Orang ramai dilarang mandi-manda di \_\_\_\_\_ kerana kawasan itu berbahaya.  
A begitu  
B begitu  
C itu  
D situ
12. Seniman tua itu tinggal di hujung kampung \_\_\_\_\_.  
A begitu  
B sini  
C situ  
D sana
13. "Kalau sudah \_\_\_\_\_ kata tuk guru, kami mengikut sahaja," kata Megat Alang mewakili kawan-kawannya.  
A ini  
B situ  
C begitu  
D begini
14. "Pondok buruk di tepi sawah \_\_\_\_\_lah tempat ayah dibesarkan," kata Pak Hassan sambil menunjukkan ke arah sebuah pondok kecil kepada anaknya.  
A sini                      C ini  
B sana                     D itu